

Sabah beri mandat Dr M tentu sistem KM

BH 13 FEB 2001

KOTA KINABALU, Isnin -- Kerajaan negeri memberi mandat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan mengenai pelantikan Ketua Menteri apabila tempoh penggiliran jawatan itu tamat pertengahan bulan depan.

Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, berkata pihaknya memberi kepercayaan kepada Dr Mahathir membuat keputusan sama ada mahu meneruskan sistem penggiliran Ketua Menteri atau sebaliknya.

"Kami semua sudah beri kepercayaan kepada Perdana Menteri untuk memutuskan soal jawatan Ketua Menteri, jadi kita perlu menunggu hingga pengumuman dibuat terhadap keputusan itu," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menghantar Dr Mahathir dan isteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, selepas pulang ke Kuala Lumpur di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, disini hari ini.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah mula diperkenalkan selepas Barisan Nasional (BN) mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri pada 1994.

Menerusi sistem ini, tiga pemimpin daripada kalangan Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam serta Cina, bergilir-gilir setiap dua tahun sekali untuk menjawat jawatan berkenaan.

Bagaimanapun, beberapa pihak kini menentang pelaksanaan sistem berkenaan kerana didakwa mengganggu kelicinan pentadbiran kerajaan negeri.

Tempoh Osu sebagai penyandang jawatan itu bagi kuota Bumiputera Islam dijangka berakhir pertengahan Mac depan.

Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, berkata pihaknya menerima nasihat Dr Mahathir supaya BN dan Umno di negeri ini kekal sebagai satu kumpulan kerana ia membolehkan kerajaan akan terus kuat dan tidak menghadapi masalah.

Mengenai kedudukan Umno Sabah, Osu berkata Dr Mahathir selaku Presiden parti, menyatakan rasa senang hati terhadap perpaduan ditunjukkan Umno di negeri ini jika dibandingkan dengan keadaan di Semenanjung.

"Beliau menasihatkan kekalkan perpaduan sedia ada untuk bolehkan Umno Sabah jadi contoh baik kepada abang kita (Umno) di Semenanjung," katanya.

Beliau berkata, apa yang dicapai Umno Sabah sekarang berdasarkan pengalaman rakyat negeri ini dulu yang berpecah dan sekarang melihat ke depan untuk melupakan segala sengketa lalu.

Katanya, sebarang perkara kini dilakukan berdasarkan semangat perpaduan, musyawarah dan tolak ansur.